



## KENYATAAN MEDIA

### BAJET 2016 PRIHATIN TERHADAP GOLONGAN SASARAN KPWKM

**KUALA LUMPUR, 24 OKTOBER** – Pengumuman Bajet 2016 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib Tun Haji Abdul Razak semalam yang bertemakan 'Mensejahterakan Kehidupan Rakyat' dilihat membantu Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) untuk memperkasakan kumpulan sasar kementerian.

Dato' Sri Rohani berkata, "bagi KPWKM, bajet 2016 yang dibentangkan semalam memberi fokus terhadap kebajikan ibu bapa, membela kebajikan Orang Kurang Upaya (OKU) dan mengukuhkan institusi kekeluargaan".

Antara manfaat yang diperoleh adalah pemberian **RM350 sebulan kepada OKU bekerja dan RM200 kepada OKU tidak bekerja, serta penjagaan OKU terlantar sebanyak RM300 sebulan dengan peruntukan sebanyak RM445 juta** yang boleh memberi **manfaat kepada seramai 150 ribu OKU**.

Turut diumumkan adalah **RM100 juta disediakan** termasuk untuk menambah **20 lagi Pusat Pemulihan Dalam Komuniti**. Bagi ibu bapa yang mempunyai **anak OKU yang sedang melanjutkan pengajian di institusi dalam dan luar negara, had pelepasan cukai dinaikkan sehingga RM14 ribu** bermula tahun hadapan.

Kementerian sentiasa menggalakkan anak-anak mengambil berat terhadap kebajikan ibu bapa. YB Dato' Sri Rohani berkata "antara intipati bajet yang memberi penekanan terhadap **kebajikan ibu bapa** ialah cukai **pelepasan sehingga RM5 ribu bagi tujuan perubatan dan penjagaan terhad kepada ibu bapa yang sakit**. Selain itu, bagi anak yang **menyara ibu bapa di berumur 60 tahun ke atas** dan ibu bapanya **mempunyai pendapatan tidak melebihi RM2 ribu, mereka akan mendapat manfaat pelepasan cukai terkumpul sehingga RM3,000**".

Strategi atau *way forward* kementerian untuk bajet 2016 adalah dengan menggunakan pendekatan Strategi Lautan Biru (NBOS) dengan penglibatan bersama pelbagai kementerian dan agensi melalui perkongsian strategik (*strategic partnership*), melipatgandakan peranan komuniti (*community empowerment*); menggalakkan pendekatan Tanggungjawab Sosial Korporat oleh syarikat swasta dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) serta melaksanakan dasar pemisah (*exit policy*) dengan lebih agresif oleh agensi di bawah KPWKM.

Kementerian memandang positif di atas pengumuman bajet 2016, sentiasa komited dan bersedia dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab demi kesejahteraan kumpulan sasaran.

\*\*\*

Disediakan oleh:  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat  
Aras 35, Persiaran Perdana  
PUTRAJAYA  
Tel: 03-8323 1088 E-mel: [info@kpwkm.gov.my](mailto:info@kpwkm.gov.my)